

**KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI  
JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN  
GURU KAMPUS ILMU KHAS, KUALA LUMPUR:  
KEPENTINGAN DAN CADANGAN**

*Organisational Management Course for Student Representative Committee of Institut  
Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas: Importance and Recommendation*

*Mustapha Kamal Ahmad Kassim\*, (PhD), Zahiah Haris @ Harith (PhD)  
& Saharudin Suhadi  
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas  
mustapha.kamal@ipgkik.edu.my*

**ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kepentingan dan cadangan untuk meningkatkan kualiti Kursus Pengurusan Organisasi kepada Jawatankuasa Perwakilan Pelajar di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kajian ini melibatkan temu bual seramai enam orang Ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan. Mereka merupakan Ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar bagi sesi 2017/2018. Data dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Kajian ini memberi fokus kepada dua objektif kajian iaitu kepentingan Kursus Pengurusan Organisasi dan cadangan untuk meningkatkan kualiti kursus tersebut. Dapatan kajian mendapati terdapat enam kepentingan Kursus Pengurusan Organisasi kepada Jawatankuasa Perwakilan Pelajar di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas iaitu ahli baharu dapat diorganisasi, memberi pendedahan ilmu yang bermanfaat, kemahiran menulis kertas kerja dan menyediakan minit mesyuarat, hubungan yang erat dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar, hubungan yang erat sesama ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dan ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang berani untuk memimpin. Seterusnya, tujuh cadangan untuk meningkatkan kualiti Kursus Pengurusan Organisasi kepada Jawatankuasa Perwakilan Pelajar di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas ialah menambah tempoh masa kursus, mewujudkan teori dan amali, pemilihan tempat yang kondusif, program secara kolaborasi, menyediakan khidmat konsultan, mengadakan banyak slot yang berkaitan dalam Kursus Pengurusan Organisasi dan alat pembesar suara yang lebih baik.*

Kata kunci: Jawatankuasa Perwakilan Pelajar , Kursus Pengurusan Organisasi dan Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.

**ABSTRACT**

*This study aims to assess the interests and suggestions to improve the quality of the Organization Management Course attended by the Student Representative Committee at the Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus. The study involved interviews of six members of the 2017/2018 Student Representative Committee consisting of three male students and three female students. Data were analyzed qualitatively using the case study method. This study focused on two objectives, namely the importance of the Organization and Management Course as well as suggestions to improve the quality of the course. The study found six interesting areas; which were how to assist and organise a new member, how to expose useful knowledge and skills, how to write a paper and prepare minutes of meetings, how to form a close*

*relationship with the Department of Student Affairs, how to form a close relationship with members of the Student Representative Committee and how member of the Student Representative can lead. The seven suggestions to improve the quality of the Organizational Management to the Students' Representative Committee at the Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus are to increase the duration of the course, establish a balance of theoretical and practical aspects, the selection of a suitable program for collaboration, providing consultancy, holding more relevant slots in Organization and Management Course and the usage of a better loudspeaker.*

Keywords: Students' Representative Committee, Organization and Management Course and Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus